

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR
MOHD.TAHIR [TEMERLOH]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan penternak ikan patin (akuakultur) di daerah Temerloh terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 yang mengakibatkan terputusnya rantaian bekalan (supply chain) di mana harga bekalan makanan dan benih ikan meningkat serta jualan kepada pelanggan tidak dapat dilakukan seperti biasa. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan penternak ikan patin berupaya bangkit semula dengan mampan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tidak dapat dinafikan bahawa industri agromakanan negara telah menghadapi cabaran besar khususnya ketika peringkat awal penularan wabak COVID-19 di mana kelancaran rantai makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan kerugian kepada petani dan pekebun kecil disebabkan gangguan pengangkutan dan perkhidmatan logistik terhad yang membawa hasil pertanian dari ladang ke pusat pengumpulan dan pengedaran. Kekangan pergerakan dan kekurangan permintaan semasa tempoh PKP juga telah menyebabkan isu lambakan hasil pertanian berlaku di beberapa lokasi.

Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil semua langkah sewajarnya bagi memastikan semua pengusaha yang terlibat dalam aktiviti rantai bekalan dan pemasaran makanan dapat terus beroperasi dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan. Aktiviti pertanian juga telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting negara (*essential services*) dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa pelaksanaan PKP dan Pelan Pemulihan Negara bagi memastikan bekalan makanan untuk rakyat terus berada pada tahap stabil dan mencukupi dan kepentingan kumpulan sasar juga terjamin.

Manakala, secara khususnya bagi membantu penternak ikan patin yang terjejas akibat pandemik COVID-19 seperti yang dibangkitkan, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) antara lain telah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. sejumlah 226 ribu ekor benih ikan termasuk 124 ribu ekor benih ikan patin bernilai RM 53 ribu telah diberikan secara percuma kepada 97 orang penternak di negeri Pahang dari bulan Januari hingga Julai 2021;

SOALAN NO: 10

- ii. mengeluarkan sebanyak 685 surat pengesahan aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran kepada penternak akuakultur termasuk pengusaha ikan patin bagi membantu memasarkan hasil ternakan ikan mereka;
- iii. DOF telah bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Pahang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Pahang untuk memasarkan hasil ternakan akuakultur termasuk ikan patin melalui jualan di Pasar Tani Kekal di Bandar Pekan, Bandar DARA, Pasar Tani Kekal Temerloh dan Pasar Tani Kekal Jerantut serta pemasaran secara dalam talian melalui AgroBazaar dan NEKMATBIZ; dan
- iv. MAFI juga telah menyediakan kemudahan *coldroom* secara sewa di Pertubuhan Peladang Kawasan Temerloh yang telah pun beroperasi untuk penyimpanan hasil tuaian ternakan akuakultur.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, MAFI melalui DOF telah melaksanakan Program Pembangunan Induk dan Pengeluaran Benih Kebangsaan bertujuan memantapkan rantai perbekalan dalam pembangunan induk dan pembenihan ikan. Kerajaan telah membina 15 buah pusat pengeluaran benih di seluruh negara yang mampu mengeluarkan benih ikan sehingga 20 juta ekor setahun.

Bagi negeri Pahang, terdapat 2 pusat pengeluaran benih ikan iaitu di Pusat Pengembangan Akuakultur Bukit Tinggi, Bentong dan Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok, Jerantut yang disediakan oleh Kerajaan bagi membantu penternak akuakultur untuk mendapatkan benih ikan. Di bawah program ini, baka induk ikan termasuk spesies patin daripada program *Nucleus Breeding Centre* (NBC) telah diedar kepada 2 pusat tersebut dan juga kepada penternak yang berkelayakan di bawah program *Broodstock Multiplying Centre* (BMC) sekitar Negeri Pahang termasuk di daerah Temerloh.

SOALAN NO: 10

Secara purata, 5,000 ekor benih patin diedarkan secara percuma dan *one off* oleh Pusat Pengembangan Akuakultur kepada penternak bergantung kepada bilangan benih sedia ada di pusat berkenaan.

Terdapat juga sepuluh (10) buah hatcheri/nurseri di Negeri Pahang yang berdaftar dengan DOF bagi penternak patin mendapatkan sumber benih. Penternak juga boleh mendapatkan benih daripada negeri lain seperti di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12), aktiviti pembenihan ikan akan diperkasakan melalui pengenalan inovasi asuhan ikan dalam tangki atau sangkar terapung. Inovasi ini akan turut melibatkan penternak sangkar sedia ada seperti di Temerloh untuk mengeluarkan benih menggunakan tangki atau sangkar terapung di sungai yang bersesuaian. Inovasi ini telah terbukti berkesan di Sungai Como, Terengganu.

Selain dari jualan ikan segar, MAFI juga telah menyediakan kursus pemprosesan produk perikanan bagi menggalakan penternak untuk memproses hasil ternakan mereka kepada produk perikanan seperti produk salai, kering, ikan pes tempoyak, *fillet* dan jeruk.

MAFI sentiasa mengambil berat impak yang dihadapi oleh petani, penternak dan nelayan susulan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP dan akan terus mengambil segala tindakan bagi memastikan kepentingan dan kelangsungan kumpulan sasar sektor agromakanan terus terjamin.